



PERBADANAN LABUAN  
PETI SURAT 81245  
87022 W.P. LABUAN

NO. SEBUT HARGA : PL/(S) 09/2018(JPP)  
TARIKH : 5 Februari 2018

### KENYATAAN SEBUT HARGA

1. Sebut harga adalah dipelawa untuk syarikat-syarikat yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)** atau **Perbendaharaan Malaysia Sabah (PMS)** dalam kod bidang **220901** bagi perolehan berikut:

#### **“KERJA-KERJA KAWALAN SERANGGA / MAKHLUK PEROSAK BAGI TAHUN 2018-2020”**

2. Dokumen sebut harga berharga **RM 15.00** (tidak dikembalikan) boleh dibeli semasa waktu pejabat di **Kaunter Bayaran, Tingkat 1, Wisma Perbadanan Labuan** mulai **12.02.2018** sehingga **21.02.2018**. Dokumen sebut harga tidak akan dijual selepas tarikh yang dinyatakan.
3. Syarikat dikehendaki mengemukakan Sijil Pendaftaran **ASAL** yang masih sah tempohnya **BESERTA SATU SALINAN** dari **MOF** ATAU **PMS** sebelum dibenarkan mengambil dokumen sebut harga. **Salinan-salinan Perakuan dan / atau Sijil yang berkenaan boleh diterima jika disahkan oleh pejabat yang mengeluarkannya.**
4. Syarikat yang berminat **DIWAJIBKAN** menghadiri satu taklimat / lawatan tapak pada **09.02.2018 (Jumaat)**. Syarikat dikehendaki melaporkan diri di **Bilik Perbincangan, Unit Kesihatan, Aras Bawah, Wisma PL** pada hari tersebut sebelum jam **2.30 petang**.
5. Hanya penama dalam MOF atau PMS sahaja yang boleh menghadiri taklimat / lawatan tapak sebut harga. Kontraktor / Syarikat juga tidak dibenarkan mewakili pegawai lain selain daripada penama di dalam sijil. Oleh itu syarikat perlu membawa bersama sijil asal dan pengenalan diri semasa menghadiri taklimat / lawatan tapak. (Rujuk Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PK 2/2013)
6. Dokumen Sebut harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebut harga No. 1 di Tingkat 2, Wisma Perbadanan Labuan** tidak lewat dari jam **12.00 tengah hari** pada **22.02.2018 (Khamis)**. Sebut harga yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.
7. Perbadanan Labuan tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah atau sebarang sebut harga. Semua perbelanjaan bersabit dengan sebut harga ini adalah tanggungjawab kontraktor sendiri dan bayaran pembelian dokumen sebut harga tidak akan dikembalikan.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,

(HL HADY BIN HAMIDUN)  
b.p Ketua Pegawai Eksekutif  
Perbadanan Labuan